



Ketua Setiausaha Perbendaharaan
(Secretary General of Treasury)

Kompleks Kementerian Kewangan
No.5, Persiaran Perdana
Presint 2
62592 PUTRAJAYA
Tel. : 03-88823333
Telefaks : 03-88824224
Telex : FEDTRY MA 30242
Laman Web : www.treasury.gov.my

KK/eP (S) 10/ 656/ 6 Jld. 3 (s.k.1) (7)

14 Disember 2009

Ketua Setiausaha Negara
Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Y.Bhg Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

SURAT ARAHAN PERBENDAHARAAN (SAP) TATACARA PROSES AKHIR TAHUN MELALUI SISTEM ePEROLEHAN (eP) BAGI TAHUN KEWANGAN 2009

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Arahan Perbendaharaan (AP) 56 (c)(i) telah menyatakan mengenai tempoh Akaun Kena Bayar (AKB) iaitu perbelanjaan yang dipertanggungjawabkan dengan sepatutnya kepada akaun bagi sesuatu tahun yang tertentu mestilah dibayar dengan cepat sebelum penghujung bulan Januari tahun kewangan yang berikutnya supaya perbelanjaan tersebut tidak dibayar dari peruntukan tahun kewangan semasa. Dalam konteks ini, Kementerian/Jabatan hendaklah memastikan arahan pembayaran (proses padanan bayaran) dibuat bagi semua urusan perolehan bekalan/perkhidmatan yang melibatkan peruntukan tahun 2009, selewat-lewatnya dalam tempoh AKB.

3. Pegawai Pengawal perlu mengambil ingatan bahawa bekalan/perkhidmatan yang diterima dalam tahun 2009 tetapi tidak dibuat arahan pembayaran (proses padanan bayaran) melalui sistem eP akan mengakibatkan bayaran tersebut perlu dicaj kepada Vot tahun 2010. Ini akan memberi kesan kepada peruntukan tahun 2010. Malahan bayaran sedemikian memerlukan kelulusan khas di bawah AP 58 (a) sebelum bayaran dibuat.

4. Bagi memastikan semua pembayaran diselesaikan selewat-lewatnya dalam tempoh AKB, Tatacara Proses Akhir Tahun Melalui Sistem eP Bagi Tahun Kewangan 2009 seperti di **Lampiran I** hendaklah dipatuhi sepenuhnya. Tatacara ini selaras dengan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bil. 7 tahun 2009.

SULIT

5. Sekiranya Kementerian/Jabatan tidak mematuhi Tatacara Proses Akhir Tahun 2009, sistem eP secara automatik akan **membatalkan**:

- a. Pesanan Kerajaan bagi bekalan daripada pembekal atas talian yang belum mempunyai maklumat pesanan penghantaran (DO) pada 31 Disember 2009; dan
- b. Pesanan Perkhidmatan yang belum dikeluarkan Pesanan Kerajaan pada 31 Disember 2009.

6. Sehubungan itu, Kementerian/Jabatan hendaklah mematuhi Tatacara Proses Akhir Tahun 2009 bagi mengelakkan arahan pembayaran (proses padanan bayaran) tidak dapat dilaksanakan. Kementerian/Jabatan boleh merujuk kepada Tatacara Proses Akhir Tahun 2009 daripada portal rasmi eP di **<http://www.eperolehan.gov.my>**.

7. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut mengenai tatacara ini, Kementerian/Jabatan boleh merujuk kepada pihak berikut :

Pengarah Projek
Unit ePerolehan, Kementerian Kewangan
Blok Helang, Villa & Kompleks Pejabat
Cyberview Gardens
63000 Cyberjaya, Selangor
No. Tel : 03 – 83127270
No. Faks : 03 – 83127271
e-Mel : **bantuanep@eperolehan.gov.my**

8. Surat Arahan Perbendaharaan ini berkuat kuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,


(Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah)

s.k. Ketua Audit Negara Malaysia
Akauntan Negara Malaysia